

# 60 ketua negara sahkan kehadiran

UM 19 FEB 2003

PUTRAJAYA 18 Feb. — Sebanyak 60 orang ketua negara anggota Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) telah mengesahkan kehadiran mereka pada Sidang Kemuncak Ke-13 NAM yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 24 Februari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, beliau gembira dengan sambutan yang begitu menggalakkan daripada ketua-ketua negara NAM itu.

Beliau memberitahu, di samping ketua-ketua negara sebanyak 100 delegasi daripada negara-negara ahli akan menyertai persidangan itu yang terbesar pernah diadakan.

Katanya, kerajaan telah menyediakan kemudahan yang terbaik kepada ketua-ketua negara itu agar mereka selesa dan dapat menyertai mesyuarat dalam suasana yang menyenangkan.

"Kita berharap mereka dapat berbincang dan mengeluarkan pandangan secara bebas sebagaimana yang dikehendaki oleh garis panduan persidangan

NAM," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan buku-buku oleh Mukhriz Mahathir dan Datuk Ram Sharma yang diadakan di kementeriannya di sini, hari ini.

Syed Hamid bagaimana enggan menyatakan sama ada isu keganasan akan dibincangkan pada sidang kemuncak itu sebaliknya menyerahkan kepada anggota-anggotanya untuk berbincang semua perkara secara bebas.

"Saya percaya isu-isu yang menyentuh keadaan semasa, isu politik antarabangsa serta isu-isu bagaimana membangunkan negara-negara dalam NAM yang masih ketinggalan boleh juga dibincangkan," katanya.

Terdahulu beliau berkata, persidangan itu tidak boleh menetapkan agenda perbincangan berhubung satu-satu perkara tertentu sahaja sedangkan banyak perkara lain yang berkaitan dengan keperluan negara-negara NAM mungkin dibincangkan.

"Salah satunya ialah mengenai kemiskinan yang perlu diberikan perhatian

lebih serius untuk ditangani di negara-negara anggota," katanya.

Perkara-perkara lain yang boleh dibincangkan kata beliau, termasuklah cara meningkatkan pertumbuhan ekonomi, perdagangan serta membasmi masalah buta huruf dan penyakit.

Syed Hamid memberitahu, beliau sendiri akan merasmikan persidangan di kalangan pegawai-pegawai kanan kerajaan (SOM), manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ah-

mad Badawi akan merasmikan persidangan menteri-menteri luar NAM yang ke-22.

Menurutnya, persidangan itu akan dibahagikan kepada empat sesi yang akan berjalan serentak bagi membolehkan kalangan menteri-menteri luar dapat berbincang secara interaktif.

Yang paling penting katanya, ialah sidang kemuncak yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.